

BAB 9

PERANAN INSTITUSI AGAMA DALAM DAKWAH KEPADA MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Mohd Shahzihan Bin Ahmad

1. Pendahuluan

Dakwah adalah satu tanggungjawab setiap mereka yang memegang kalimat suci “*Lailaha illallah*”. Kalimah ini adalah satu tiket kepada orang Islam untuk dipegang dengan baik (istiqamah) untuk masuk ke syurga Allah swt. Umat Islam terbaik bukan dengan sebab sujud dan ruku’, tetapi kerana umat Islam adalah umat yang mengajak orang lain untuk berbuat baik. Pendekatan makna dakwah sebegini diketengahkan bagi mewujudkan dan menggambarkan bahawa dakwah adalah suatu gerakan berbentuk gelombang laut yang tidak putus menghempas pantai. Pantai tidak berubah, tetapi ombak terus membadi. Itulah kerja ombak. Di kedalaman laut dengan air menyusut, ketika angin berperanan, ombak tidak akan melaksanakan tugas nya. Begitulah jika hanya Bahagian Dakwah JAIS dilihat sebagai satu-satunya entiti yang melakukan kerja dawah di jabatan agama, bermakna menafikan tanggungjawab bahagian lain atau bahagian lain tidak perlu membawa agenda dakwah. Jika jabatan agama telah memainkan peranan dakwahnya, manakala agensi lain tidak, juga membawa erti tidak memerlukan agensi lain melakukan dakwah atau agensi lain berfikir mereka tiada tanggungjawab dakwah. Begitulah jika agenda dakwah dimainkan oleh sebahagian, tidak sebahagiannya, umat Islam sebenarnya gagal untuk memainkan peranan sebagai pendakwah atau tidak tahu bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk berdakwah kepada masyarakat banyak. Keseluruhan umat Islam dipikulkan dibahunya gagasan dakwah kerana umat Islam adalah individu yang memegang kalimah dan memahami falsafah disebalik kalimah, maka terkeluarlah mana-mana orang yang tidak memegang kalimah, dan tidak tahu akan tanggungjawabnya dengan kehebatan kalimat keramat yang dipegangnya.

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Untuk berbuat baik yang betul dan mengajak orang lain melakukan perkara yang betul, umat Islam mestilah memahami Al- Quran Al-Hadith mengikut cara lama (tradisional). Cara lama atau tradisional adalah satu dasar, tingkah laku dan gelagat usaha-usaha dakwah yang mengikuti apa yang dilakukan oleh para sahabat (Hayatus Sohabab). Umat Islam yang mahukan kejayaan seperti kejayaan lampau umat Islam, perlu mencontohi daya usaha para sahabat dan para salafus soleh. Pendekatan tradisional amat penting bagi menghidupkan ilmu *naqli* dan ilmu *aqli* secara harmoni yang dapat membentuk manusia yang mempunya jati diri dan integriti yang padu dan kukuh. Pendekatan ini juga berperanan sebagai satu pendekatan yang akan bertindak sebagai mekanisma pencerahan dalam mendepani pemikiran dan falsafah moden yang menjahanamkan dasar, nilai dan etika Islam tulen sebagai cara hidup. Pendekatan *naqli* dan *aqli* dan prinsipnya sangat penting kerana falsafah moden telah membongkar akar umbi dan dasar ajaran Islam serta meruntuhkan konsep dan sistem keilmuan serta merosakkan epistemologi keilmuan Islam. Akibatnya peradaban yang dibina oleh Nabi Muhammad saw menjadi rosak dan berada di dalam timbunan sampah sarap ahli-ahli falsafah moden. Sehubungan dengan itu, perkara yang bukan dari akar umbi Islam telah menjadi bahan utama dalam menentukan sarwa Islami dan dasar hidup dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat.

Rasulullah saw hadir dengan dua rahmat iaitu Wahyu dalam bentuk Al-Quran dan juga Sunnah Baginda. Konsep *Rahmatan Lil Alamin* adalah satu perkara yang boleh dilaksanakan berdasarkan politik kekuasaan dalam pemerintahan yang berlandaskan hukum Al-Quran dan Al-Sunnah. Konsep Akhlak Al-Karimah yang Baginda saw adalah contoh akhlak terbaik terdapat di dalamnya doktrin spiritual dan kerohanian yang serba lengkap. Baginda juga meletakkan asas dan mengajar cara-cara dan kaedah untuk merealisasikan konsep dan doktrin akhlak tersebut. Inilah tiga perkara penting sebagai dasar dan bingkai besar *Rahmatan Lil Alamin*. Rahmat yang dibawa oleh Baginda sama sekali tidak berdasarkan kepada norma-norma dan budaya masyarakat semasa, melainkan bahawa kewujudan itu adalah suatu keberhutangan. Konsep *Rahmatan Lil Alamin* harus berimbang selayaknya mengikut uslub dan cara Al-Quran. Maka tertolak suatu pendekatan berlembut dan mengenepikan ketegasan secara total. Rahmat itu membawa kelangsungan bawaannya Nabi Muhammad saw secara menyeluruh. Maka terkeluar dari Rahmat itu suatu tindakan atas nama Rahmat tetapi tidak mengikut cara Nabi saw. Tiada tempat berlembut untuk respon kepada apa-apa

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

juga tindakan dan perkataan yang menghina Islam. Bahkan tiada tempat sama sekali di sisi Allah swt mana-mana orang yang bersikap ananiah, bongkak dan takabbur seperti Iblis yang tidak mahu sujud kepada Nabi Adam as. *Rahmatan Lil Alamin* juga termasuk melaksanakan suruhan berbuat baik. Bermakna menyediakan dasar pendidikan terbaik, membina bangsa yang baik, berilmu agama dan duniaawi, bermanfaat kepada kelangsungan agama dan negara bangsa. Islam tanpa perkara asas ini akan memperlihatkan bahawa syariat Islam itu tidak menaungi tingkah laku umatnya. Untuk membentuk insan-insan yang menjadi angkubah-angkubah rahmat kepada seluruh alam, pembinaan kefahaman mereka perlulah dimulakan di peringkat sekolah dengan diajarkan ilmu dasar (Usul) iaitu ilmu mengenal Allah swt (awalluddin makrifatullah) kerana mereka yang mengenal Allah swt akan tahu tentang dirinya, menyintai Rasulnya dan mencari keuntungan ukhrawi. Membina kebijakan (bukan hanya dibilik darjahkan) anak-anak dalam mempelajari ilmu asas Islam; ilmu akidah, feqah dan tasawwuf.

2. Pendakwah (Agensi) Memerlukan Gagasan Yang Jelas

Mengambil sikap dalam satu-satu perkara adalah penting agar satu-satu perkara yang dipercayai dan dipegang itu dapat diekspresi dengan jelas dan terarah. Seorang pendakwah di media apapun perlulah mempunyai gagasan yang jelas tentang matlamat dan agenda dakwahnya. Sehubungan dengan itu seorang pendakwah perlu mengetahui kenapa usaha-usaha dakwah perlu dibuat dan bagaimana ia perlu dilaksanakan. Cabaran dakwah semakin luas dan mencabar saat ini, lanskap politik, kecenderungan pemimpin, soal ras dan bangsa dalam kerangka CIC (controled, influenced & concerned) perlu diteliti dan diperhalusi agar gagasan firm dan establish. Kerangka dakwah perlu disusun dan diperhalusi. Apa yang perlu didahulukan, bagaimana dakwah digerakkan mesti dibuat. Siapa yang perlu dilibatkan sangat penting, model, modul dan latihan perlu digarap sesuai dengan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang. Kemampuan menggerakkan kelompok-kelompok atau individu bawah bidang kuasa (factor controled) perlu dilihat kesesuaianya bagi mengambil sikap dan gagasan dan derapan yang sama. Apakah langkah dakwah bagi mempengaruhi kelompok diluar bidang kuasa dan apa yang perlu kita ambil kira dalam membawa gagasan tersebut.

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Gagasan yang jelas perlulah realistik dan konsisten dengan agenda Islam dalam gerakan dakwah. Kenyataan- kenyatan bersifat retorika, reactive, semangat kelompok dan taasub dan agenda peribadi perlulah dikenal pasti dan diketepikan. Intervensi ini akan menyebabkan wahana dakwah bagai suatu wacana musim mekar dan akhirnya ditelan oleh musim layu dan musim musim-musim yang lain. Pendukung gagasan yang jelas perlu bersedia memahirkan diri dalam bertingkah dengan tactical manner, aim high, mengetahui musuh tetapi tidak memusuhi musuh. Sentiasa melihat musuh dalam terang dan tahu kedudukan musuh di gelap malam. Memusuhi musuh bagai membiarkan kekalahan untuk diraih kerana musuh Islam dan dakwah telah diistiharkan oleh Allah swt. Secara andaian dan kolerasi, apa sahaja akan diperbuat oleh musuh kerana mereka amat mencemburui dan sangat dendki terhadap Islam.

3. Bersikap Tegas Dengan Orang Kafir

Ketegasaan adalah suatu sikap yang terpuji dan tidak bertentangan dengan ketentuan syarak. Ketegasan di sini juga bukannya kekerasan atau anarkisme atau brutalisme. Sebarang tindakan oleh orang Islam yang dilihat keras perlulah didefinisikan semula samada ia satu yang menunjukkan ketegasan sikap atau bersifat *reaction* kepada satu keadaan yang menghina Islam. Dalam soal ketegasan ini saya suka merujuk sikap seorang sahabat bernama Abdullah Bin Huzaifah As- Sahmi ketika berbicara dengan dengan raja Qaisar selepas ditawan. Ketegasan dan sikapnya yang sentiasa bercakap benar, mempunyai aqidah islam yang teguh dan nyawa tiada harganya. Ketegasannya telah menyebabkan raja Qaisar menangis dan meminta Abdullah Bin Huzaifah As Sahmin mencium dahinya. Sisi ketegasan juga dilihat jelas dalam dakwah Rasulullah saw dalam situasi- situasi tertentu. Kepelbagai usul dan ungkapan Ayat ayat Al Quran juga menunjuk ketegasan adalah sebahagian sikap yang perlu digunakan. Tiada pendekatan yang jumud dan tetap. Dalam surah Al Maidah 5:54 jelas dinyatakan bahawa umat Islam adalah golongan mereka yang berlemah lembut sesama orang beriman dan berlaku tegas gagah terhadap orang- orang kafir.

Tiada seorang pun yang boleh menafikan bahawa sikap lemah lembut dan bijak adalah sikap yang baik dan terpuji bahkan perlulah mendahului dalam pelbagai situasi dan kondisi dalam menegakkan dan menyatakan kebenaran Islam. Berlembut bukan reaksi terhadap kesesatan, penyelewengan dan pembantaian terhadap orang Islam.

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Tidak tegas terhadap penghinaan agama Islam adalah suatu kemunafikan. Islam adalah agama damai tetapi dalam masa yang sama tidak tega terhadap pelecehan terhadap sang Pencipta, Al- Quran, Al-Sunnah dan sekujur tubuh Baginda Rasulullah saw, kaum keluarga dan pada sahabat. Kebenaran menggunakan sikap tegas dalam Al- Quran tidak kurang banyaknya dengan banyaknya kebenaran bersikap lembut. Tidaklah boleh hanya mengambil dalil-dalil kelembutan dan meninggalkan dalil-dalil ketegasan terhadap orang kafir.

Ironinya, orang Islam sendiri telah diacu dengan pelbagai cara, sistem dan *willing* bahawa sebarang tindakan dan kenyataan membela Islam dilabel sebagai pelampau dan mereka yang berkompromi dan berlembut itu sebagai moderate. Bahkan ada yang menyatakan ketegasan kumpulan tertentu menyuarakan prinsip-prinsip Islam adalah individu atau kumpulan ekstrem dan pelampau agama dan cenderung menidakkannya keislaman orang Islam lain. Memahami ini sangat penting untuk menentukan sikap kita dalam berdakwah kepada masyarakat majmuk. Ini penting bagi mengelakkan satu pendekatan harmoni tajaan mereka yang akan merugikan Islam dan orang Islam. Amat sinikal lembut tak bertempat bila program- program yang dianjurkan atas nama dakwah telah membawa dan membina kepada ketegasan mereka. Kita pula sebaliknya, mengambil sikap bertolak ansur berdasarkan prinsip kelembutan itu. Sehingga ada kenyataan bahawa semua agama itu sama, nabi pun sama, panggilan sahaja yang berbeza, ada titik dan ruang untuk bersama. Persoalananya, siapa yang tidak boleh menerima Islam?, Siapa yang tidak boleh menerima umat Islam sehingga begitu dimusuhi?. Memahami , berani dan bijaksana dalam menyulami faktor ketegasan ini akan menentukan arah sebenar gagasan dakwah.

4. Gelagat Yahudi, Nasara Dan Orientalis

Inilah musuh yang telah berjaya melahirkan pelbagai telahan kepada umat Islam dan Islam. Mereka membentuk senario yang akhirnya melahirkan sikap fobia bangsa lain dan agama lain terhadap Islam. Mereka bukan sahaja berjaya menjadikan kita sebagai pengikut bahkan berjaya mendakwah umat Islam dengan begitu licik dan jijik. Lebih malang, pendakwahan mereka yang digembar gemburkan, sedangkan telah banyak perkara dan cara mereka telah diikuti secara sedar atau tidak sedar oleh umat Islam. Gelagat ini perlu difahami dengan jelas dan tanpa batas bagi menerima apa jua

kemungkinan onar ciptaan mereka. Manakan tidak, bila ia dinyatakan sendiri oleh Allah swt di Al-Quran. Anda boleh mengandaikan apa sahaja pemikiran jahat yang akan dibuat oleh mereka, bahkan pasti lebih dari itu. Sejarah yahudi sebagai kumpulan minoriti di zaman Rasulullah saw, dilihat sangat hasad kepada kaum peribumi Quraisy dan Islam. Di suatu titik sejarah, mereka sangat tahu akan kelahiran nabi akhir zaman bernama Ahmad atau Muhammad, tetapi kemudiannya menolak nabi penutup dipilih oleh Allah swt dari kaum bangsa Quraisy bukan dari kaum bangsa mereka. Jangan lupa sejarah puluhan ribu nabi diutus kepada kaum mereka lalu dibunuh. Nescaya Muhammad juga akan dibunuh, begitulah Allah swt memilih Muhammad dari kaum Quraisy. Yahudi adalah bangsa yang Allah anugerahkan kecerdikan dan golongan yang pandai bermiaga. Ini satu istidraj dari Allah swt untuk membiarkan minoriti Yahudi ini terus dengan gelagatnya dan umat Islam tiada pilihan untuk menghadapinya dengan bersatu. Bersatu untuk mengetahui bahawa yahudi adalah musuh. Musuh yang perlu dihadapi dalam terang dan dalam gelap. Tanpa melihat latar ini, akan berlaku pertembungan yang menyebabkan batil itu dilihat sebagai kebaikan dan kebaikan sebagai suatu perkara yang menjengkelkan. Itulah dagang, bagaimana si dagang itu menjadi golongan yang berjaya itulah yang dihimpunkan agar menjumlahkan keperibadian Islam tulen.

5. Menangani Masalah Sebenar

Real problem dan presenting problem bagi suatu tindakan menutup bekas gula dari dimasuki semut atau menghalau semut setiap kali semut memasuki bekas gula. Bagai mencari kekayaan, selembah emas diberi pasti mahukan selembah lagi. Padahal yang perlu dicari itu ialah kecukupan. Bagai si fakir yang sebab kefakirannya boleh menyebabkan membawa dirinya kepada kekufuran. Si fakir itu adalah mereka yang sentiasa rasa tidak cukup, mencari kekayaan demi kekayaan, kerakusan menyebabkan penyimpangan kepada rasuah, penindasan, monopoli, kronisme dan kleptokrasi. Padahal yang hamba ini tidak memiliki, tidak rasa memiliki dan tidak akan memiliki.

Mencari dan mengenal pasti masalah sebenar adalah masalah besar hari ini. Apa lagi orang yang tidak faham agama yang memutuskan tentang cara beragama dan memperaturkannya. Dari sudut lain, orang agama ada kalanya tidak mahu berfikir, berselindung, berpendapat dengan berlapik, langsung tidak bercakap, lalang, jaga periuk

nasi, hanya menyebabkan kehancuran demi kehancuran dan menunggu saat kehancuran total.

Mengenal pasti masalah sebenar akan melahirkan goal, visi dan misi serta objektif yang benar. Mengenal pasti kebenaran yang benar juga akan melahirkan sarwa yang benar dan pandangan yang benar. Melahirkan juga tindakan, pengaturan dan program yang benar. Semuanya dalam kerangka Islam itu yang mengaturkan dan bukan Islam itu diatur. Aspek amar maaf atau pendidikan menjadi keutamaan bagi melahirkan masyarakat berilmu yang memberi manfaat kepada negara bangsa, pendidikan yang terbaik dan mewujudkan kelompok bangsa berilmu. Mendasari pendidikan dengan dua faktor teras iaitu memelihara peninggalan orang dulu-dulu yang baik dan mengambil apa sahaja yang baharu untuk menjadi lebih baik. Wajib melihat soal perekonomian dan memberi keutamaan kepada faktor kemiskinan dengan memajukan ekonomi negara bagi melahirkan kesejahteraan dan kelestarian umat. Demikian diikuti oleh usaha-usaha pertahanan negara dan hal ehwal dalam negara bagi menambah keamanan di dalam negara. Semuanya dalam kerangka An-Nazr yang terus sampai kepada Allah swt.

Kesimpulannya, pendidikan yang menepati kehendak Islam dan agenda pencegahan perlulah menjadi keutamaan dan terutama sebuah organisasi apa pun, apa lagi dalam konteks sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan Islamik. Apa-apa juga langkah yang melibatkan intervention dan rehabilitation akan hanya menelan kos dan belanja yang besar. Ia menunjukkan suatu aspek yang menyebabkan sebuah kegagalan dalam memprogramkan kebaikan (Islah) kepada masalah sebenar. Jika masalah dikenal pasti, langkah permulaan dalam suatu perjalanan yang sangat jauh adalah satu langkah kemenangan di sisi Allah swt.

6. Promosikan *High End* Duniawi Bagi Menteladani Dunia

Sesiapa yang membuat kerja-kerja agama dunia akan mengikutinya sering menjadi kata-kata perangsang dari penceramah agama. Ironinya bagai retorika kata-kata hikmah ini jika dilihat kepada segenap sudut umat Islam yang sangat biasa dengan soal keperibadian dan kemahiran yang sering duduk di bawah PAR. Angkubah Islam sebagai cara hidup tidak berjaya menjadikan umat Islam hebat berbanding umat lain

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

yang hanya berpegang kepada kepercayaan nenak moyang dan tradisi lama mereka. Umat Islam kalah dengan golongan tidak punya kepercayaan dan orang yang mempunyai sistem kepercayaan selain Islam. Umat Islam jauh kebelakang berbanding dengan mereka yang menggambarkan sembah-sembahan mereka dengan khayalan dan ilustrasi yang membantu arca, lukisan dan ukiran.

Dimana silap umat Islam dalam menjadikan Islam sebagai cara hidup?. Adakah ia tertakluk milik siapakah Islam itu. Milik melayu Islam jadi lain, milik bangsa cina Islam jadi lain begitukah seterusnya?. Bergantung kepada siapa dan kumpulan mana yang mendapat Islam?. Ini polemik besar yang perlu dirungkai. Hari ini sudah ada ukuran yang menggunakan “islamik” sebagai ukuran untuk menghinjak umat Islam terus terperosok dengan sampah sarap kerosakan dan kebobrakan. Ia menidakkan dengan bukti ketinggalan umat Islam berbanding mereka dalam sudut kebersihan, integriti, pentadbiran dan pengurusan, kesungguhan bekerja, good governance, proses, output dan outcome.

Sehubungan dengan itu, masih dalam batas yang sama dalam menyingkapi prinsip bahawa dunia akan mengikut orang yang melakukan kerja agama, satu pendekatan baru perlu diberi dalam perkara ini. Batas ini perlu ditanam dengan kefahaman, falsafah, konsep, prinsip, pendekatan dan sudut pandang yang berbeza, bahkan membahukan hasil yang jauh lebih lumayan dan menjamin demand dalam semua keperluan fitrah dan keperluan sebenar manusia dan segala makhluk. Keluk penawaran teladan iaitu hubungan antara kebenaran Islam dan apa yang perlu diperlihatkan akan berlaku dengan sikap sebenar umat Islam yang ditunjukkan. Islam sebagai cara hidup bukan sahaja mencari redha Allah swt, sebaliknya manusia atau umat redha dengan tanggungjawabnya untuk menjadi teladan kepada masyarakat majmuk dalam sudut Islamik. Kegagalan mencipta keluk permintaan yang tersendiri dan signifikan adalah indikator hubungan dengan Allah swt yang tidak memenuhi konsep tauhidik, taabuddi, keilmuan yang benar dan matlamat yang salah.

7. Melahirkan Umat Yang Penuh Dengan Kebijakkhan

Orang yang berilmu digambarkan oleh Rasulullah saw sebagai seseorang yang mempunyai keutamaan seperti Baginda dan seseorang yang beribadah umpama

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

kedudukan umatnya yang paling rendah dikalangan umatnya. Orang yang cerdik atau bijak atau *wise* pula dinyatakan oleh Baginda sebagai orang yang mempersiapkan dirinya dan beramal untuk hari setelah kematianya. Gabungan berilmu dan cerdas ini adalah prinsip yang sangat penting diketengahkan dan sangat perlu dan utama melahirkan umat yang mempunyai dua gabungan mantap antara ilmu pengetahuan dan kebijakan ini.

Soal keilmuan ini tertakluk kepada soal yang menyangkut tentang kefahaman agama seseorang. Ini jelas bila Rasulullah menyatakan bahawa sesiapa yang Allah kehendaki kebaikan maka Allah akan memberikan kefahaman agama (Faqih). Jalan ke arah ini hendaklah dibuka oleh yang bertanggungjawab untuk mempelajari, memahami, mengamalkan dan istiqamah. Kefahaman agama Islam yang benar sangat penting apatah lagi dalam suasana pemikiran pasca moden kini. Semakin tinggi kefahaman agama seseorang itu, semakin tinggi darjatnya di sisi Allah swt. Memahami agama juga adalah perintah Allah swt dan mendapatinya adalah satu pemberian Allah swt serta taufiq dariNya. Namun ruang untuk mempelajarinya dan mengajarkannya perlulah diusahakan dengan gigih. Kegigihan mencari hidayah Allah swt akan menjadikannya seseorang itu mendapat ilmu yang manfaat. Kefahaman yang sebenar adalah suatu kefahaman yang disertai dengan amalan, jika tidak mereka akan hanya bertatakelakuan seperti orientalis yang telah pun dibahas sebelum ini. Kefahaman terhadap agama Islam boleh sahaja betul dan boleh salah. Maka perlu mewujudkan dan menunjukkan yang betul agar yang salah itu tetap salah. Yang betul itu adalah hak yang mesti dikitiraf kewujudannya. Sahabat sahabat Nabi saw adalah generasi yang paling betul dan lurus kefahamannya tentang Islam. Itulah kefahaman agama Islam yang sebenar. Tidak syak lagi kerena mereka ditunjuk ajar oleh Baginda Rasulullah saw.

Tidak seorang pun sudi digolongkan sebagai orang yang jahil atau bebal, sebaliknya masing-masing mahu dipandang berilmu dan bijak. Sekalipun mereka tidak berusaha untuk melayakkan dirinya kepada status tersebut. Bahkan tidak kurang yang berlagak pandai dan bijak meskipun mereka sebenarnya adalah sebaliknya. Ada yang mengukur kebijaksanaan dengan selembar ijazah yang diperolehi sebagai bukti kebijaksanaan.

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Orang beriman akan berstatus cerdik dan benar-benar berakal apabila sentiasa bermuhasabah dan menghitung dirinya. Lalu beramal dengan sesuatu yang memberi faedah kepadanya selepas kematian dengan kesempatan kehidupan tanpa mensiasiakannya. Orang yang lemah imannya adalah mereka yang mengikut nafsu dan akalnya terhadap dunia dan kehidupan semata-mata serta melakukan dosa tanpa menghiraukan pembalasan yang bakal diterima kemudiannya. Berangan-angan kepada Al-Khaliq dimasukkan ke syurga dengan keampunan tanpa istighfar dan taubat kepadaNya.

8. Mengupayakan Perkaderan, Klasifikasi Dan Pengurusan Sasaran

Mana-mana agensi agama mempunyai masalah tentang perkara ini. Agensi menghadapi masalah dalam melahirkan pemegang kalimah yang tahu tanggungjawabnya dan melakukannya dalam lingkungan masing-masing. Agensi menyedari perkara ini dan usaha-usaha dibuat. Mengukur usaha-usaha melahirkan kader tidak boleh dianggap telah berjalan dengan baik jika elemen-elemen yang menjadi kekangan dalam pembinaan kader tidak dikenal pasti. Kader bukan semestinya penceramah. Agensi mungkin mempunyai pegawai yang mampu berceramah dengan baik, namun agensi gagal melahirkan penceramah yang baik seperti yang dimiliki oleh agensi. Terkadang dan kerap penceramah agensi tidak membawa agenda agensinya melainkan agendanya sehingga berceramah bagi *full time job* dan sebagai pegawai pula bagi *part time job*. Malang sungguh agensi yang ada dan membiarkan sebahagian keupayaan yang ada menjadi agenda peribadi. Ini suatu perkara yang melanggar amanah besar dalam agenda dakwah. Keupayaan ini harus terarah dan dititip dengan agenda dakwah dan mengislahkan masyarakat untuk lebih baik, terdidik dan membina keupayaan yang sama secara terancang.

Cabarannya lain dalam soal perkaderan adalah soal kesukarelaan. Ini persoalan yang terkait dengan soal kehilangan atau menghilangkan tanggungjawab yang terpikul atas diri seseorang. Isu kesukarelaan jadi polemik kerana kader dan perkaderan itu sendiri dilihat dari sudut yang menyusahkan dan seolah-olah ia tanggungjawab anugerah Ilahi kepada individu tertentu. Ini bermakna reformasi dakwah dan perkaderan perlu dibuat agar masing-masing individu dan kelompok memainkan

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

peranannya atas dasar menunjukkan yang baik dan mengajak yang baik mengikut tradisi Islam.

Latihan secara kelompok khusus dan umum perlu dilaksanakan. Ia perlulah mencakupi ruang lingkup dan kitaran keilmuan yang benar dan kemahiran-kemahiran tertentu mengikut kelas dan sasarnya. Kelompok- kelompok tersebut bolehlah diwujudkan dengan analogi sebuah kenderaan yang mempunyai komponen tertentu dan semua komponen itu perlu berfungsi selayaknya bagi memastikan kenderaan boleh dimanfaatkan. Sasaran perlu dikenal pasti secara khusus. Unsur dan nilai dakwah perlu diberi tempat untuk dilihat dengan jelas dengan pelbagai kaedah kepada sasaran. Program-program lanjutan, pengukuhan dan perluasan perlu dibuat dengan pelan tindakan yang rapi bagi dilaksanakan secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Laras dakwah perlu dibincang dan dibentangkan kepada komponen supaya kumpulan sasar dapat menerima, memahami, tidak merasa ragu dan tertekan. Pendekatan yang dipraktikkan melalui cara menyampaikan mesej dengan jelas dan tidak membawa mesej yang kabur. Mereka perlu menerima mesej yang lengkap bahawa agama Islam membawa kepada kesejahteraan dunia dan akhirat. Bagi menjadikan dakwah diterima, para pendakwah hendaklah menyampaikan dakwahnya secara berperingkat, satu persatu dan tidak memberatkan kumpulan sasar. Dalam penyampaian dakwah, terdapat kelonggaran dan tidak memberatkan terutama dalam perkara ibadah. Islam perlu diberi gambaran yang baik dan menggembirakan supaya kumpulan sasar merasa kelembutan dan kebaikan Islam. Keber tanggungjawaban juga perlu ditanam kepada pendakwah kerana perkara ini sangat berkait dengan teladan yang menjadi dasar perkembangan dakwah Islam kepada masyarakat majmuk. Teladan dan meneladani adalah faktor keindahan Islam yang akan melahirkan kesinambungan dan pengekalan kerja-kerja dakwah.

9. Mewujudkan Kesatuan Ummah

Cabarannya besar hari ini adalah perpecahan dan persengketaan sesama umat Islam. Perpecahan yang nampak ketara membimbangkan adalah perpecahan akibat politik. Perpecahan ini mempengaruhi fungsi ilmu di masjid dan surau di seluruh Selangor. Makin merungsingkan, atas nama dan ketaasuhan politik, sesuatu yang dari Allah swt dan Nabi saw turut dikatakan fakta yang bersifat politik. Sehubungan dengan

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

itu agensi perlu mendidik umat Islam bagaimana menghikmah dan berakhlak dengan pendapat yang berbeza-beza. Perkara berkaitan konsep redha perlu diperjelaskan dengan tepat dan dapat difahami dengan jelas.

Perpecahan yang menular memberi kesempatan pemikiran *safih* dan jahil mengambil tempat. Akhirnya masjid dan surau kosong dari mereka yang mahu masjid dan surau sebagai pusat ibadah, pusat ilmu pengetahuan dan pusat dakwah. Masjid sangat penting memainkan peranannya kerana falsafah kewujudannya di tengah-tengah masyarakat sangat penting dan perlu mempunyai peranan penting membawa umat dan seluruh masyarakat kepada kebaikan dan cerminan Islam. Maka dengan itu masjid dan surau perlu diupayakan untuk menjadi institusi yang menjadi nadi penyatuan di kariah masing-masing. Menjadi agensi *controled* dan melaksanakan dasar semasa agensi dalam pelbagai perkara yang menyangkut soal keilmuan, kemasyarakatan, dakwah dan good governance. Prinsip-prinsip dan dasar penyatuan Islam hendaklah dibentang melalui dan oleh masjid dan surau. Aktiviti-aktiviti kepada penyatuan perlu dipelbagaikan dengan akar tunjang yang jelas berkaitan dengan hukum hakam, tolak ansur, berlapang dada, ithar dan bersangka baik. Institusi masjid yang kukuh dan dihormati pasti padu dalam menggerakkan agenda Islam yang sebenar. Ini boleh menarik kepada paparan teladan yang baik kepada keseluruhan komuniti Islam dan bukan Islam. Akhirnya hubungan antara agama akan menjadi baik dan ketika itu dakwah sedang berjalan, dapat dijalankan dan diperkasakan.

10. Mewujudkan Khidmat Kemasyarakatan

Khidmat masyarakat adalah tanggungjawab dalam mengisi dakwah lapangan atau outreach yang mendukung hasrat dan semangat caring, sharing dan loving dalam Islam melalui insitusi vital agama Islam. CSR perlu diserahkan oleh agensi, cawangan eksekutif agensi dan institusi di bawah kawalan agensi. Agenda ini perlu jelas dan dapat memaparkan suatu perkara yang Islam telah ketinggalan jauh dari apa yang telah dibuat sebagai CSR oleh pendakwah bukan Islam khususnya pendakwah Kristian. Sidang Injil Borneo, gerakan pemikiran evengelikal menggunakan jalan CSR sebagai salah satu asas dakyahnya. Mereka bukan sahaja memberi dan mengisi sebahagian keperluan, bahkan sudah mampu mewujudkan prasarana asas keperluan kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat.

RAHMAH LI AL-`ALAMIN: DAKWAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Khidmat kemasyarakatan yang menggunakan sebahagian dana zakat atau tabung masjid perlulah menjurus dalam soal kesiapsiagaan menghadapi musibah bencana dan malapetaka. Khidmat masyarakat akan menunjukkan kepedulain tanpa Islam tanpa mengira batas ras, agama, parti, status social, latar belakang sosio ekonomi, latar pendidikan, jantina dan umur. Keperihatinan dan cakna kepada persekitan masyarakat setempat perlulah mendahului sehingga kepedulian mensasar dan mengenai individu atau kumpulan yang selayaknya.

Salah satu kepedulian penting adalah memberi bimbingan ibadat yang asas kepada anak kariah Islam, bantuan kecemasan dan penawaran bentuk-bentuk bantuan, khususnya bantuan asas yang berbentuk bantuan fizikal *one off*, penglibatan dalam sebahagian dana besar dan bantuan asas sara hidup. Sudah tiba masanya masjid dan surau perlu menyediakan kolam-kolam besar menampung air bukan sahaja untuk kegunaan berkaitan hadas kecil, hadas besar dan taharah, tetapi menjadi pusat utama bantuan asas air jika mengalami petaka yang melibatkan keperluannya secara suci lagi menyucikan untuk keperluan pelbagai lapisan masyarakat.

Disinilah agensi perlu menyakinkan akan keperluan menjana sumbangan orang awam kepada masjid yang menjanjikan sedekah itu mempunyai kesan gandaan yang besar disisi Allah swt. Bukanlah dan salah sama sekali jumlah kewangan itu dibiarkan beku bimbang penyusutan, kedekut dan hanya membanggakan jumlah dana yang diperolehi.